



MSM Malaysia umum CEO letak jawatan

Bernama

July 2, 2025 @ 8:49pm



Syed Feizal Syed Mohammad - NSTP/ASWADI ALIAS

KUALA LUMPUR: Pengeluar gula, MSM Malaysia Holdings Bhd mengumumkan peletakan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan, Syed Feizal Syed Mohammad berkuat kuasa esok.

MSM dalam makluman kepada Bursa Malaysia berkata, Syed Feizal, 60, meletakkan jawatan atas sebab kepentingan peribadi selepas menerajui syarikat itu sejak Februari 2021.

Syarikat itu juga berkata, tiada sebarang perselisihan faham antara Syed Feizal dan lembaga pengarah, serta tiada perkara berbangkit daripada peletakan jawatannya yang memerlukan tindakan daripada pemegang saham.

Sementara itu, MSM berkata Ketua Pegawai Operasi (COO) Kumpulan, Hasni Ahmad, 57, telah dilantik sebagai Pemangku CEO Kumpulan berkuat kuasa esok.

Hasni yang memiliki ijazah dalam kejuruteraan kimia dari Clarkson University, Amerika Syarikat, telah berkhidmat sebagai COO MSM sejak 2021 dan sebelum ini memegang peranan dalam pengoperasian kanan di FGV Holdings Bhd.

-BERNAMA

HEADLINE	MSM Malaysia umum CEO letak jawatan
MEDIA	Berita Harian
DATE	02 July 2025, 08:49pm
BY	-
LINK	https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2025/07/1415097/msm-malaysia-umum-ceo-letak-jawatan